

Kesan baru Perhimpunan Agung UMNO

Oleh KASSIM AHMAD

BEBERAPA perkara patut diberi perhatian daripada Perhimpunan Agung UMNO yang baru selesai. Huraian dan penegasan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tentang kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh semua kaum dan termaktub di dalam Perlembagaan dan perlu dipelihara, dipatuhi dan dipertahankan. Ini termasuk kedudukan istimewa orang Melayu sebagai bangsa yang menakrifkan bangsa Malaysia yang sedang dibangunkan, kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.

Beliau menekankan bahawa perjuangan UMNO untuk mencapai Agenda Melayu itu tidak bermakna menafikan hak dan kepentingan yang sah suku bangsa lain yang menjadi rakyat Malaysia. Dalam hubungannya ini, beliau melarang penimbunan isu-isu sensitif berhubung dengan agama dan kaum untuk menjaga keharmonian kaum. Syarat ini tentulah ada batasnya. Ia hanya boleh berlaku dalam konteks sebuah pemerintahan yang mengamalkan musyawarah dan permuafakatan dan pemerintahan yang adil dan saksama kepada semua kaum. Pada akhirnya, rakyat Malaysia

mestilah boleh berfikir secara saintifik dan rasional (mentaliti kelas pertama) untuk membangunkan sebuah bangsa dan tamadun yang cemerlang, gemilang dan terbilang (untuk meminjam kata-kata Pak Lah sendiri).

Kita juga menghargai jemputan Pak Lah supaya menegur dan mengkritik beliau secara membina, "kerana beliau tidak sempurna". Kita harap kebebasan bersuara ini akan dilaksanakan dalam parti, dalam kerajaan, dalam media dan dalam masyarakat. Kebebasan ini tentu ada batasnya, kerana kita semua bertanggungjawab terhadap kemajuan, keselamatan, kedaulatan dan kelangsungan bangsa kita. Tetapi, harus diingat, bahawa kebebasan ini bukan suatu formaliti satu orang satu undi dalam pilihanraya; kebebasan ini berakar umbi dalam kesedaran bahawa, tanpa kebebasan, manusia tidak lebih daripada tumbuh-tumbuhan dan binatang yang tidak boleh berfikir dan tidak boleh menentukan destininya. Manusia dijadikan khalifah di dunia untuk mentadbir dan mengubah dunia menjadi suatu tempat yang bahagia dan selamat untuknya. Ini tidak boleh dilakukan tanpa komitmen untuk "menyeru kepada kebaikan dan melarang kejahatan". Kita mengambil perhatian akan kata-kata Pak Lah bahawa beliau menanggapi kerja politiknya sebagai amal kepada

Allah s.w.t. Ini patut dijadikan dasar UMNO.

Cara hidup Islam ialah "jalan yang lurus" di antara dua penyelewengan, yang disebut dalam surah Al-Fatihah. Cerdik pandai kita perlu kaji dan teroka jalan ini dalam bidang-bidang politik, ekonomi, kewangan dan lain-lain supaya ayat ini tidak difahami dan dihayati semata-mata dari segi pengertian agama yang sempit. Pendekatan "Islam Hadhari" yang dibawa oleh Pak Lah, pada dasarnya, betul. Ia ingin mengelak, di satu pihak, tafsiran ortodoks yang terlalu konservatif dan tertutup, dan, di pihak lain, tafsiran liberal yang terlalu memudahkan dan luas.

Kita memikirkan sistem global sekarang yang didominasi oleh falsafah neo-liberal Barat, yang sedang runtuh dengan cepat, dan yang perlu kita gantikan dengan sistem nasional dan internasional yang lebih baik. Kemaharaja lelaian dan kebuasan kuasa-kuasa besar Barat di Palestin dan di Iraq itu suatu manifestasi kebobrokan sistem global sekarang. Dengan seruan Pak Lah supaya kita bangunkan suatu masyarakat yang mengutamakan sains dan rasionaliti yang tidak menolak malah menekankan wilayah kerohanian (masyarakat ulil al-bab) satu seruan yang baru dalam UMNO dan dalam masyarakat kita.

Seorang kenalan saya menyatakan Perhimpunan Agung UMNO kali ini nampak macam muktamar Pas, dengan perwakilan banyak memetik ayat Quran dan hadis! Walaupun kita tahu syaitan juga boleh memetik ayat-ayat Quran untuk mengelirukan orang ramai, saya tidak fikir kita patut dan perlu menjadi skeptikal seperti itu. Kita sedar UMNO, mengikut kenyataan-kenyataan pemimpin UMNO sendiri, sudah banyak rosak, dengan rasuah politik dan semangat materialisme yang terlalu ketara. Namun demikian, kita tidak boleh putus asa dengan UMNO. Kerosakan ini boleh dan perlu dibaiki.

UMNO mewakili tiga daripada enam belas juta orang Melayu di Malaysia - suatu bilangan yang tidak kecil. Enam puluh tahun dulu, UMNO bermula dengan semangat dan falsafah kebangsaan Melayu. Hari ini ia telah meluaskan semangat dan falsafah itu kepada kebangsaan Malaysia dengan Islam sebagai panduan hidup kita. Ini suatu perubahan besar yang kita alu-alukan dan sokong. Terpulanglah kepada kita, khususnya ahli-ahli UMNO dan para patriot di antara kita, untuk mendakap erat semangat dan falsafah baru itu dan menjadikan ia suatu realiti dalam kehidupan masyarakat kita, bukan dalam masa enam puluh tahun akan datang, tetapi secepat mungkin - sekarang!